



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

SEJARAH

1249/3

Kertas 3

Tema Umum

Okt./Nov.

-
1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi satu **Tema Umum**.*
 2. *Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** tersebut dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.*
 3. *Kertas peperiksaan ini mestilah diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.*

ARAHAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memastikan **Tema Umum** diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.
2. Guru hendaklah menerangkan kepada calon tentang **Tema Umum** supaya calon membuat persediaan untuk menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3 yang akan diberikan pada hari peperiksaan.
3. Guru dibenarkan untuk membimbing calon dalam penyediaan dan pemilihan bahan rujukan sebelum hari peperiksaan.
4. Guru hendaklah menasihati calon memilih bahan rujukan yang sesuai, mengenal pasti kedudukan setiap maklumat di dalam sumber supaya tidak membuang masa untuk mencari maklumat pada hari peperiksaan.
5. **Guru dilarang sama sekali menyediakan jawapan kepada calon dalam apa-apa bentuk sekalipun.**
6. Guru hendaklah menasihati calon agar membuat salinan sumber maklumat berkaitan yang diperolehi daripada buku ilmiah, majalah dan surat khabar untuk menjimatkan ruang di atas meja pada hari peperiksaan.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
2. Calon boleh berbincang dengan guru dan rakan-rakan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat berkaitan.
3. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan **Tema Umum** yang diberi sebagai persediaan menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3.
4. Calon boleh mendapatkan sumber maklumat daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, akhbar, internet dan bahan-bahan yang berkaitan.
5. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
6. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
7. Penggunaan bahan rujukan semasa peperiksaan hendaklah tidak mengganggu calon lain.
8. Calon dinasihatkan supaya **memperluas bahan bacaan** agar tidak hanya bergantung kepada maklumat daripada buku teks semata-mata untuk menghasilkan jawapan yang mantap.

**Tema Umum : Pembinaan Negara dan Bangsa Ke arah Kemunculan
Negara Malaysia Berdaulat**

Pembinaan negara dan bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Kejayaan pembinaan negara dan bangsa Malaysia memerlukan semangat patriotisme yang tinggi dan penyertaan menyeluruh daripada setiap anggota masyarakat supaya proses pembinaan negara menjadi lebih kukuh.

**2019 SPM SEJARAH (KERTAS 3)
PANDUAN MENJAWAB**

- 1. Ceritakan Latar belakang pengenalan Sistem Ahli di Tanah Melayu (5m) ms117 teks**
- 2. Jelaskan Maksud Sistem Ahli (5m) ms 117 teks**
- 3. Pengenalan Sistem Ali. (5m) ms 117 teks**

Idea dicetuskan oleh Dato' Onn Ja'afar. Sir Hendry Gurney mencadangkan agar model negara Kenya dan Rhodesia dilaksanakan di Tanah Melayu. Seterusnya, dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja Melayu. British telah berunding dengan wakil penduduk Tanah Melayu yang diwakili oleh Dato' Onn Ja'afar, Dato E.E Thuraisinggam dan Dr Lee Tiang Keng di King's House, Kuala Lumpur.

- 4. Jelaskan konsep pakatan Murni.(5m) ms 119 teks**
- 5. Jelaskan tentang Pakatan Murni. (5m) ms 119 teks**
- 6. Jelaskan maksud Pakatan Murni. (5m) ms 119 teks**

Pakatan Murni adalah usaha semua kaum di Tanah Melayu untuk menghasilkan satu kerjasama tolak ansur politik melalui rundingan. Setiap kaum mempunyai tuntutan tersendiri. Ia merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum. Usaha untuk mencapai kemerdekaan. Mewujudkan keharmonian kaum tanpa pertumpahan darah.

7. Jelaskan latar belakang pembinaan negara dan bangsa masyarakat Melayu tradisional. (5m) ms 65 teks

Dalam masyarakat Melayu Tradisional telah muncul kerajaan dan kemunculannya disebabkan adanya raja. Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan. Raja bertanggungjawab memberi perlindungan politik dan menjamin keselamatan rakyat yang mendiami wilayah kekuasaannya. Sebagai balasan, rakyat taat, menerima dan mengakui kekuasaan raja.

8. Ciri-ciri negara dan bangsa masyarakat Melayu tradisional semasa penjajahan British. (30m) ms 73-74 teks

Ciri-ciri negara dan bangsa masyarakat Melayu tradisional semasa penjajahan British adalah British merujuk setiap kerajaan adalah negeri. British menetapkan sempadan setiap kerajaan. Konsep kerajaan semakin luput diganti konsep negeri. Pada 1946 gagasan Malayan Union diperkenalkan untuk membina negara dan bangsa moden. MU telah ditentang oleh orang Melayu.

Selepas itu, Persekutuan Tanah Melayu telah menggantikan MU pada 1948. PTM menggabungkan semua negeri Melayu. Menjadikan Tanah Melayu sebuah pentadbiran pusat. British memerdekakan Tanah Melayu 1957. Menjadikan Tanah Melayu negara baru yang merdeka.

Ciri seterusnya adalah negara ialah wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah yang berwajib. Negara Malaysia terdiri daripada PTM, Sarawak, dan Sabah. Negara merujuk kepada intitusi pemerintahan tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan.

Bangsa merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah serta mempunyai persamaan dari segi Bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah. Kerajaan adalah intitusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar sesebuah negara. Kerajaan merangkumi semua badan yang membuat, mentafsir dan melaksanakan-dasar tersebut.

Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir negara. Perlembagaan bertujuan memberi jaminan perlindungan kepada rakyat.

9. Jelaskan pembinaan negara Itali, Jerman, Madinah dan Malaysia. (15m) ms 67-70 teks

Negara bangsa Itali dibentuk pada abad ke 19. Ia dibina menggunakan amalan Real Politik. Mewajarkan apa sahaja cara untuk mencapai matlamat seperti tipu helah dan peperangan. Count Camillo berusaha menyatukan Itali menjadikan negara melalui peperangan dan akhirnya berjaya pada 1870.

Pembinaan negara bangsa Jerman dipimpin oleh Otto Eduard von Bismarck. Beliau mengamalkan real politik dan politik darah dan besi. Beliau menggunakan taktik menipu, provokasi untuk mencetuskan peperangan. Beliau menggunakan isu membenci kuasa asing untuk menang dan membentuk negara bangsa Jerman.

Pembinaan negara bangsa Madinah dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW. Penyatuan melalui prinsip Islam. Baginda menyusun perlembagaan terlebih dahulu. Baginda menyatupadukan penduduk Madinah yang berbilang bangsa. Baginda menggunakan cara diplomasi untuk mewujudkan amalan kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin dan pemimpin dengan rakyat.

Pembinaan negara Malaysia hasil kebijaksanaan pemimpin. Negara terbentuk melalui rundingan dan kerjasama tanpa pertumpahan darah. Semua ini melalui Pakatan Murni dan tolak ansur antara kaum di Malaysia.

10. Jelaskan Pelaksanaan Sistem Ahli di Tanah Melayu. (15m) ms 117-119 teks

11. Jelaskan Ciri-ciri Sistem Ahli. (10m) ms 117-118 teks

Sistem Ahli merupakan sistem Kabinet Bayangan. Terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk. Anggotanya dikenali sebagai Ahli. Contoh Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri. Perlantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Ia dipersetujui oleh Majlis Raja- Raja Melayu. Ahlinya terdiri daripada sembilan anggota. Lima penduduk Tanah Melayu dan empat pegawai British. Tiga orang Melayu, seorang Cina dan seorang India.

Setiap Ahli menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan. Mereka menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut. Mengikut dasar yang sedia ada. Mereka bertanggungjawab mencadangkan undang-undang berkaitan dengan jabatannya. Selalunya cadangan undang-undang merupakan pendirian pentadbiran British.

11. Jelaskan kepentingan Sistem Ahli. (10m) ms 119 teks

Kepentingan Sistem Ahli adalah tapak asas untuk melatih penduduk tempatan kearah berkerajaan sendiri. Sistem Ahli memulakan proses perpaduan kaum di PTM. Ahlinya terdiri tiga orang Melayu, seorang Cina dan seorang India. Perkara ini merupakan asas penting. Untuk menentukan kemerdekaan Tanah Melayu. Mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Memberi pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan. Untuk mentadbir kerajaan walaupun masih dikuasai British.

12. Latar belakang sejarah pembentukan Malaysia.(5M) ms137 teks

Pembentukan Malaysia dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman. Pada 27 Mei 1961. Pada Majlis makan tengahari anjuran Persatuan Wartawan Luar. Bertempat di Hotel Adelphi, Singapura. Harapan Tunku Abd Rahman supaya pembentukan Malaysia dapat mengukuhkan kedudukan politik dan menjadi negara yang disegani.

13. Faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia. (30m) ms138-140

Faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia adalah faktor keselamatan. Lee Kuan Yew bimbang perkembangan pengaruh Barisan Sosialis yang berhaluan kiri. Barisan Sosialis menang dalam pilihan raya Singapura. Melemahkan PAP pimpinan Lee Kuan Yew. Hal ini, akan mengugat rancangan British untuk memerdekakan Singapura.

Faktor seterusnya, bimbang akan ancaman komunis. Persekutuan Tanah Melayu berpengalaman membentasi pengaruh PKM. Semasa Darurat 1948 – 1960. Di Sarawak CCO bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara komunis. Hal ini, mendorong Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia.

Faktor seterusnya, penubuhan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei. Malaysia akan ditubuhkan dalam tempoh dua tahun.

Faktor seterusnya, merupakan proses dekolonisasi British. Seterusnya, hampir semua negara di Asia Tenggara telah merdeka. Dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) wujud usul agar tanah jajahan dimerdekakan (Piagam Atlantik 1945)

Faktor seterusnya, untuk menstabilkan politik Asia Tenggara. Pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis. Ia dapat memastikan kepentingan British terkawal. Terutamanya pangkalannya di Singapura.

Faktor seterusnya, faktor ekonomi. Pembentukan Malaysia dapat mewujudkan pasaran yang luas. Ia dapat menggalakkan pelaburan. Seterusnya, menggalakkan industri pertanian dan memanfaatkan keistimewaan seperti sumber-sumber kekayaan yang ada.

Faktor seterusnya, faktor sosial. Pembentukan Malaysia dapat mengimbangi jumlah kaum. Kemasukan Sabah, Sarawak, dan Brunei dapat mengimbangi kaum Melayu dan Bukan Melayu.

14. Perjanjian Malaysia yang merealisasikan pembentukan Malaysia. (25m) ms 153-155 teks

Perjanjian Malaysia telah ditandatangani di London pada 9 Julai 1963, Ratu Elizabeth II telah memperkenankan Akta Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen Britain.

Ini disusuli dengan kelulusan Perjanjian Malaysia oleh Parlimen Tanah Melayu, Dewan Perhimpunan Singapura, Majlis Undangan Sarawak dan Majlis Undangan Sabah. Seterusnya, 26 Ogos 1963, Yang Dipertuan Agong telah memperkenalkan Akta Malaysia.

Pada 16 September 1963, negara Malaysia ditubuhkan secara rasminya. Ia merangkumi PTM, Singapura, Sarawak dan Sabah. Akta Malaysia telah memperuntukkan beberapa perkara yang kemudiannya diterima dan dimasukkan kedalam perlembagaan Malaysia.

Antaranya, semua urusan hal ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab PTM. Agama Islam agama rasmi PTM. Agama lain bebas diamalkan. Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan. Sabah dan Sarawak mengawal imegresen dan perkhidmatan awam. Perwakilan Parlimen Sarawak 24 kerusi, Sabah 6 kerusi dan Singapura 15 kerusi. Hak istimewa bumiputera dipelihara.

15. Bincangkan usaha-usaha untuk menjayakan Pakatan Murni (20m) ms 119-121 teks

6.

16. Terangkan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam mewujudkan Pakatan Murni di Tanah Melayu sebelum pembentukan Parti Perikatan. (20m) ms 119-121 teks

17. Terangkan usaha mengadakan pakatan murni dalam kalangan penduduk PTM sebelum Parti Perikatan ditubuhkan. (15m) ms 119-121 teks

Usaha-usaha untuk menjayakan Pakatan Murni adalah Penubuhan Jawatan Kuasa Antara Kaum atau CLC. Dianggotai oleh kaum Cina dan Melayu. UMNO mewakili orang Melayu. MCA mewakili orang Cina. CLC adalah titik permulaan kerjasama antara kaum di PTM. UMNO berubah dasar iaitu sanggup bekerjasama dengan kaum lain demi masa depan negara.

Hasil rundingan UMNO-CLC beberapa perkata dipersetujui. Penubuhan Rida untuk bantu orang Melayu. Syarat kerakyatan dilonggarkan. Diberi kepada imigran yang lahir di Tanah Melayu. Pilihanraya diadakan pada masa yng sesuai. Pilihanraya perbandaran, negeri dan MPP.

Usaha seterusnya, pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu. Dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar. Dikecam hebat oleh orang Melayu. Dato' Onn Ja'afar meninggalkan Umno. Beliau menubuhkan Parti Kemerdekaan.

Usaha seterusnya penubuhan Persidangan Kebangsaan. Oleh Sir MacDonald. Untuk mencapai kerjasama politik dan mengurangkan semangat perkauman dikalangan

penduduk PTM. Tunku Abdul Rahman menganjurkan Konvensyen Bersama MCA asas kerjasama pembentukan Parti Perikatan.

18. Kejayaan pakatan Murni merupakan hasil sumbangan para pemimpin yang berwibawa. Bincangkan. (20m) ms 131-132 teks

Kejayaan pakatan Murni merupakan hasil sumbangan para pemimpin yang berwibawa adalah benar. Sumbangan Dato' Onn Ja'afar yang menubuhkan UMNO. Beliau menjadi Presiden UMNO yang pertama. Beliau Berjaya menyatukan orang Melayu untuk menentang Malayan Union. Beliau berbincang dengan British untuk menubuhkan Sistem Ahli. Sistem Ahli melatih penduduk tempatan mentadbir negara. Beliau menjadi Ahli dalam negeri.

¹Seterusnya, sumbangan Tunku Abdul Rahman. Beliau menubuhkan Persidangan Kebangsaan 1953. Bertujuan untuk mencapai kerjasama politik antara kaum. Ia dapat meng²urangkan perasaan perkauman dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Beliau mewujudkan kerjasama politik UMNO-MCA dan menubuhkan Parti Perikatan yang telah memenangi pilihan raya pertama PTM.

Selain itu, sumbangan Tan Cheng Lock. Beliau menerajui MCA. Beliau mengangotai Jawatan Kuasa Antara Kaum. Beliau menjadi presiden Dewan Perniagaan Cina Malaya. Beliau menjadi presiden MCA yang pertama yang membentuk Parti Perikatan.

Seterusnya, sumbangan Tun V.T.Sambathan. Beliau menuntut kemerdekaan negara bersama Tunku Abdul Rahman. Beliau menjadi presiden MIC yang pertama. Beliau menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum. Beliau menyeru kaum India supaya memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara.

19. Huraikan kerjasama Perikatan dalam pilihan raya Bandaran, Negeri dan persekutuan 1955. (10 m) ms 121-122 teks

Kerjasama UMNO-Mca dibentuk apabila British ingin mengadakan pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor dijalankan oleh Dato' Abdul Razak dan Ong Yoke Lin. Gabungan UMNO_MCa telah memenangi Sembilan daripada duabelas kerusi dipertandingkan. Pilihan raya Majlis Bandaran di bandar-bandar utama gabungan ini telah memenangi 26 daripada 37 kerusi dipertandingkan.

Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan dalam pelbagai parti diterima oleh penduduk PTM. Kerjasama UMNO-MCA telah mengasakan penubuhan Parti Perikatan yang kemudiannya disertai MIC. Pada 1954 British menubuhkan Jawatan Kuasa Pilihan

raya dalam Majlis perundangan Persekutuan yang dianggotai oleh pemimpin Parti Negara, UMNO, MCA, MIC dan pegawai-pegawai tinggi British. Mencadangkan 52 kerusi dipertandingkan 48 kerusi dipilih oleh British telah memenangi pilihan raya. Dapat membentuk kabinet yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berfungsi sehingga merdeka dicapai.

20. Kejayaan Pakatan murni dalam merealisasikan pembinaan Negara Bangsa Malaysia. (10m)

21. Jelaskan peranan parti perikatan menjayakan rancangan menuntut kemerdekaan daripada British 1957. (10m)

Peranan parti perikatan menjayakan rancangan menuntut kemerdekaan daripada British 1957 apabila kerjasama UMNO-MCA telah menjadi asas pembentukan Parti Perikatan. Gabungan ini telah memenangi pilihan raya Majlis Bandaran. Seterusnya memenangi 226 daripada 268 kerusi pilihanraya Negeri. MIC menyertai Parti Perikatan pada 1955.

Parti Perikatan menyertai Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan yang diadakan 27 Julai 1955. Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Parti Perikatan telah menjadi Ketua Menteri dan membentuk Kabinet.

Tunku Abdul Rahman mengetuai Rombongan Kemerdekaan ke London Februari 1956. Beliau disertai oleh Dr Ismail Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussien dan Kolonel H.S.Lee. Empat orang wakil sultan iaitu Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Kamel, En Abdul Aziz dan Mohd Seth. Suruhanjaya Reid dibentuk untuk mengubal perlembagaan. British bersetuju memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan telah diistiharkan di Bandar Hilir, Melaka.

22. Perpaduan merupakan elemen untuk mencapai kemerdekaan . Beri ulasan anda. (10m)

Ya, Perpaduan merupakan elemen untuk mencapai kemerdekaan merupakan syarat yang dikenakan British untuk memerdekakan Tanah Melayu. Melalui perpaduan akan melahirkan pemimpin dan rakyat yang berilmu seperti cendikawan agar negara terus aman. Seterusnya melalui perpaduan akan melahirkan rakyat yang amanah mentadbir negara agar negara harmoni. Melalui perpaduan akan melahirkan rakyat yang sayang akan negara agar negara terus maju. Melalui perpaduan akan melahirkan warga yang prihatin terhadap masalah kaum lain seperti saling berjual beli agar negara harmoni.

Seterusnya perpaduan akan melahirkan warga yang sabar menghadapi cabaran seperti tidak terlibat dalam rusuhan kaum agar negara terus membangun. Perpaduan dapat melahirkan warga yang bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara. Perpaduan dapat melahirkan warga yang saling bertoleransi agar negara terus harmoni. Perpaduan dapat melahirkan warga yang saling menyantuni agar negara terus aman makmur.

23. Sejauhmanakah pengorbanan setiap kaum di Tanah Melayu menjadi asas perpaduan? (10m)

Pengorbanan setiap kaum di Tanah Melayu menjadi asas perpaduan adalah penting. Sebagai rakyat Malaysia kita mestilah menguasai ilmu bertoleransi agar saling menghargai antara satu sama lain seperti saling menghormati amalan budaya. Kita mestilah bersatupadu membangunkan negara agar semua kaum saling faham akan pengorbanan untuk negara. Kita mestilah saling bertanggungjawab menjaga keamanan negara seperti mematuhi undang-undang agar negara terus aman.

Kita mestilah sayang akan negara agar negara terus aman seperti mengamalkan prinsip rukun negara. Kita mestilah amanah menjalankan tugas seperti tidak pilih kasih akan kaum sendiri agar negara terus harmoni. Kita mestilah adil dalam membuat keputusan agar tiada kaum yang teraniaya agar perpaduan terus terjalin. Kita hendaklah tabah menghadapi cabaran seperti ketika isu perkauman disalah gunakan agar perpaduan terus kukuh dan negara aman.

24. Huraikan langkah berterusan kerajaan untuk mengekalkan semangat Pakatan murni dalam kalangan rakyat Malaysia. (10m)

Langkah berterusan kerajaan untuk mengekalkan semangat Pakatan murni dalam kalangan rakyat Malaysia adalah melahirkan rakyat yang berilmu seperti rakyat yang berakhlak mulia agar negara terus harmoni. Kerajaan mestilah melancarkan kempen memperkasakan perpaduan seperti kempen di media massa agar negara terus makmur. Kerajaan mestilah prihatin terhadap masalah rakyat seperti kos sara hidup agar rakyat terus taat pada negara. Kerajaan mestilah adil seperti tidak mengabaikan satu-satu kaum agar rakyat terus bersatupadu dan negara aman.

Seterusnya, kerajaan mestilah prihatin terhadap masalah setiap kaum seperti memenuhi keperluan asas setiap kaum agar negara terus harmoni. Kerajaan mestilah telus mendengar suara hati setiap kaum seperti melantik wakil setiap kaum dalam pentadbiran negara. Kerajaan mestilah sabar menghadapi cabaran seperti tidak mudah melatah apabila timbul isu perkauman agar kerjasama antara kaum terus terjalin.

25. Bagaimanakah Pakatan Murni dapat dilaksanakan sebelum Merdeka ? (10m)

Pakatan Murni dapat dilaksanakan sebelum merdeka kerana kita mempunyai pemimpin yang berilmu seperti Tunku Abdul Rahman yang bijak berunding. Kita mempunyai pemimpin dan rakyat yang berpandangan jauh seperti Dato' Onn Ja'afar yang mengutamakan perpaduan demi kemerdekaan negara. Kita juga mempunyai pemimpin yang sayang akan negara seperti Tun Sambathan yang menyeru kaum Indian taat kepada negara.

Seterunya, kita mempunyai pemimpin yang sabar menghadapi cabaran seperti Tan Cheng Lock yang menyeru kaum Cina menyertai MCA agar tidak terpengaruh dengan anasir komunis. Kita juga mempunyai semangat kerjasama antara kaum sehingga dapat menerima kekuatan dan kelemahan kaum lain untuk membina negara bangsa. Kita bijak bertoleransi sehingga dapat memupuk perpaduan demi kemerdekaan dan kedaulatan negara tercinta.

26. Perpaduan kaum sukar dicapai sepenuhnya di negara kita pada hari ini. Beri penjelasan anda. (10m)

Perpaduan kaum sukar dicapai sepenuhnya di negara kita pada hari ini adalah benar. Hal ini kerana kita tidak menguasai ilmu perpaduan seperti hanya mementingkan kepentingan sempit kaum sendiri. Kita tidak menghargai nilai perpaduan seperti terlibat dalam demonstrasi ganas perkauman kuil Sri Maha Mariamman yang boleh meruntuhkan negara. Kita tidak sayang akan negara seperti tidak menghargai kontrak sosial yang sudah dipersetujui bersama sebelum merdeka.

Kita tidak prihatin terhadap kesensitiviti kaum lain seperti menghina agama kaum lain yang boleh menjadikan negara kucar kacir. Kita tidak adil dalam perkongsian kekayaan negara seperti orang kaya terlalu kaya dan yang susah terlalu susah akan menjadikan negara tidak harmoni. Kita tidak menyantuni kaum lain seperti tidak menghormati budaya kaum lain yang akan menyebabkan perpecahan antara kaum.

27. Bagaimanakah usaha mengatasi masalah perpaduan kaum pada hari ini. (10m)

Usaha mengatasi masalah perpaduan kaum pada hari ini adalah kita mesti menguasai ilmu perpaduan seperti kesopanan dan kesusilaan agar tidak berlaku perasaan tidak puas hati antara kaum. Kita mestilah mengukuhkan perpaduan seperti mengadakan kempen di media massa agar rakyat bersatu padu. Kita mestilah menzahirkan rasa sayang akan negara seperti melalui penulisan ringkas di media sosial agar rakyat bersatu padu.

Seterusnya, kita mestilah adil mengagihkan kekayaan negara seperti orang kaya membantu orang susah agar rakyat hidup harmoni. Kita mestilah saling bertoleransi seperti saling menghormati budaya kaum lain agar rakyat aman.

28. Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada pakatan murni di Tanah Melayu. (10m)

n.

Iktibar yang diperoleh daripada pakatan murni di Tanah Melayu adalah kita mesti menguasai pelbagai ilmu seperti kemahiran berunding agar dapat mencapai kata sepakat dengan mudah. Kita mestilah mengutamakan perpaduan daripada kepentingan diri sendiri agar negara aman. Kita mestilah bertanggungjawab terhadap keamanan negara seperti sanggup berkongsi demi keharmonian negara.

Seterusnya, kita mestilah adil seperti tidak mengambil yang bukan milik kita agar perpaduan antara kaum dapat dipelihara. Kita mestilah amanah seperti tidak mengubah kehendak rakyat supaya kebajikan rakyat terjamin. Kita mestilah menyantuni orang lain contohnya menghormati keputusan pihak lain walaupun tidak mengikut kehendak kita demi keamanan negara.

29. HUBUNGKAIT Pakatan Murni dengan kemerdekaan negara. (10m)

Pakatan Murni dengan kemerdekaan negara adalah berkait rapat. Syarat British untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu adalah perpaduan. Usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan kerjasama dalam Pakatan Murni kekal sehingga kemerdekaan. Melalui Pakatan Murni tolak ansur politik berlaku kekal sehingga kemerdekaan. Amalan melalui rundingan ketika Pakatan Murni kekal hingga kemerdekaan.

Seterusnya, Pakatan murni merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum hingga merdeka. Penubuhan RIDA ketika Pakatan Murni diteruskan dan Mara selepas merdeka. Ketika Pakatan Murni dan selepas merdeka usaha memajukan ekonomi orang Melayu diteruskan. Ketika Pakatan Murni dan selepas merdeka usaha memajukan Pendidikan orang Melayu diteruskan. Ketika Pakatan Murni dan selepas merdeka usaha melindungi kerakyatan orang Melayu diteruskan.

30. Jelaskan kepentingan kerjasama antara kaum. (10m)

Kepentingan kerjasama antara kaum adalah elemen yang sangat penting. Hal ini, dapat melahirkan warga yang berilmu untuk memajukan taraf hidup semua kaum di Malaysia. Kita dapat mewujudkan perpaduan semua lapisan masyarakat agar negara terus makmur. Kita dapat melahirkan warga yang sayang akan negara dan membangunkan ekonomi negara bersama. Kita dapat meningkatkan kemajuan pendidikan agar dapat melahirkan warga yang amanah menjalankan tugas.

Seterusnya, kita dapat menjamin keselamatan negara kerana rakyat saling bertanggungjawab memelihara kedaulatan negara. Kita dapat memperkuat pertahanan negara kerana semua warga bekerjasama memperkasakan sistem pertahanan negara. Kita dapat mengelak ancaman musuh dan memupuk semangat membantu semua kaum. Kita dapat mengukuhkan identiti negara melalui pelbagai identiti dan mendidik rakyat berkongsi kekayaan.

31. Penerimaan pengaruh luar dapat memajukan negara. Beri pendapat anda. (10m)

Penerimaan pengaruh luar dapat memajukan negara adalah benar. Kita dapat meluaskan ilmu pengetahuan seperti dapat bertukar pandangan untuk memajukan negara. Kita dapat bertukar teknologi seperti teknologi nuklear untuk memajukan negara dalam bidang industri. Kita dapat melahirkan masyarakat yang terbuka seperti dapat menerima faedah kebaikan permodenan demi memajukan negara.

Seterusnya, dapat melahirkan masyarakat yang berdaya saing seperti tekun berusaha demi kemajuan negara. Kita dapat melahirkan masyarakat yang inovatif seperti menambah baik ciptaan teknologi untuk kemajuan negara. Kita dapat melahirkan warga yang berani dan sabar menghadapi cabaran seperti menembusi pasaran global produk tempatan untuk kemajuan negara.

32. Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan Malaysia di peringkat global hasil pembinaan negara dan bangsa yang stabil. (10m)

Kejayaan Malaysia di peringkat global hasil pembinaan negara dan bangsa yang stabil adalah kita dapat melahirkan ramai warga yang beilmu pengetahuan seperti para doktor yang bekerja diluar negara untuk menyumbang kepada global. Kita dapat melahirkan warga yang dapat menyatupadukan rakyat seperti Dato' Lee Chong Wei dalam bidang sukan badminton yang telah mengharumkan nama negara dipersada dunia.

Seterusnya dapat melahirkan negarawan yang prihatin seperti Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad yang berani menyuaraka isu-isu sejagat untuk keamanan bersama. Kita dapat melahirkan anggota tentera yang sanggup menjadi pengaman di PBB demi membantu mangsa perang di negara yang sedang bergolak seperti Syria

33. Kepimpinan cemerlang dan berwibawa penting bagi mengekalkan perpaduan kaum di negara kita. Beri pandangan anda. (10m)

Kepimpinan cemerlang dan berwibawa penting bagi mengekalkan perpaduan kaum di negara kita adalah penting. Mereka boleh menegakkan keadilan seperti tidak memihak mana- mana kaum jika berlaku kes yang melibatkan isu perkauman bertindak mengikut perlembagaan.

Mereka dapat menjadi pemimpin yang adil seperti mengagihkan kekayaan negara kepada semua rakyat jelata tidak mengira kaum dan keturunan.

Mereka menjadi pemimpin yang prihatin terhadap rakyat seperti menjaga kebajikan rakyat. Mereka akan menjadi pemimpin yang rasional seperti membuat keputusan tidak terikat kepentingan mana-mana kaum. Mereka menjadi pemimpin yang amanah seperti tidak terlibat dengan rasuah. Mereka menjadi pemimpin yang bertolak ansur dan bijak berunding. Mereka menjadi pemimpin yang berwawasan dan merendah diri demi masa depan negara yang cemerlang.

34. Semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia masa kini. (10m)

Semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia masa kini masih baik. Kita masih berilmu seperti tahu menjaga keamanan negara dan tidak mahu negara kucar kacir. Kita masih bijak menangani masalah perpaduan seperti pantas menghapuskan perselisihan faham antara kaum. Kita prihatin terhadap kaum lain seperti menjaga kepentingan semua kaum. Kita juga bersatu padu seperti mengutamakan kepentingan negaramengatasi diri dan kaum sendiri.

Seterusnya, kita bertanggungjawab untuk menjadi pemankin kepada pembentukan negara bangsa dengan mengamalkan sikap keamanan dan kekitaan. Kita saling mengukuhkan perasaan hormat menghormati demi mengekalkan perpaduan antara kaum. Setiap rakyat menganggap Malaysia sebagai Tanah air sendiri. Semua rakyat merupakan bangsa Malaysia yang mempunyai hala tuju yang sama bagi mengekalkan perpaduan demi keamanan negara.

35. Bagaimanakah Malaysia berjaya mengekalkan perpaduan kaum sehingga hari ini. (10m)

Malaysia berjaya mengekalkan perpaduan kaum sehingga hari ini dengan cara mengamalkan prinsip rukun negara seperti kesopanan dan kesusilaan. Kita Bersatu padu menggunakan Bahasa Kebangsaan yang sama iaitu Bahasa Melayu

yang dapat berkomunikasi berkesan antara kaum. Kita sayang akan negara dengan merealisasikan Budaya Kebangsaan. Kita mengamalkan permuafakatan politik dengan system demokrasi.

Kita mengamalkan sistem Pendidikan melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan. Kita mengamalkan kebebasan beragama dan agama Islam menjadi agama negara. Kita menikmati kekayaan negara melalui dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru. Kita Bersatu padu melalui penganjuran sukan seperti SUKMA. Kita menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan menubuhkan Rukun Tetangga untuk keharmonian bersama.

7.
36. Kecemerlangan negara hasil daripada kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum. Bincangkan. (10m)

Kecemerlangan negara hasil daripada kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum adalah benar. Melalui tolak ansur politik antara kaum negara kita aman. Industri pelancongan berkembang maju dapat memberi pendapatan kepada negara. Tiada rusuhan kaum berlaku dalam negara menjadikan ekonomi negara berkembang maju. Negara menjadi tumpuan pelabur kerana kestabilan politik.

Seterusnya, tiada peperangan dan keselamatan negara terkawal menjadikan negara terus makmur. Ekonomi negara berkembang pesat dan Malaysia terkenal di mata dunia. Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dan sistem pengangkutan dan perhubungan diperluas untuk kecemerlangan negara. Jelaslah bahawa kecemerlangan negara hasil daripada kerjasama dan tolak ansur politik antara kaum.

37. Apakah sikap dan cara hidup yang patut ada pada generasi muda bagi menjadi warganegara yang mempunyai jati diri dan bermaruah? (10m)

Sikap dan cara hidup yang patut ada pada generasi muda bagi menjadi warganegara yang mempunyai jati diri dan bermaruah adalah kita mestilah mengamalkan cara hidup sihat seperti tidak menagih dadah. Kita mestilah mengikuti arus teknologi terkini agar menguasai ilmu pengetahuan untuk memajukan negara. Kita mestilah mengutamakan keamanan dan menghargai sumbangan pemimpin negara agar negara Makmur. Kita mestilah berpegang teguh kepada agama dan bersikap keterbukaan dalam menerima pendapat yang baik agar negara harmoni.

Seterusnya, kita mestilah berfesyen pakaian sopan dan menutup aurat. Kita mestilah beretika dan bersopan dalam bertingkah laku. Kita mestilah mementingkan ilmu pengetahuan dan berhemah di jalan raya. Kita mestilah makan makanan seimbang untuk menjaga kesihatan. Kita hendaklah menghargai warisan sejarah bangsa dan

menyayangi keluarga. Kita mestilah menghormati budaya dan agama kaum lain dan membantu golongan yang ditimpa kesusahan.

38. Nilai-nilai murni dan iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji. (10m)

39. Nilai-nilai murni perlu dimiliki warga negara Malaysia dalam menyuburkan semangat perpaduan kaum. Jelaskan. (10m)

Nilai-nilai murni dan iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji adalah kita mestilah menguasai pelbagai ilmu agar menjadi pemimpin yang bijaksana. Kita mestilah mengamalkan sikap berkerjasama agar kata sepakat mudah dicapai. Kita hendaklah saling bertoleransi agar permuafakatan antara kaum dapat diwujudkan.

Seterusnya, kita mestilah Bersatu padu agar dapat mengelakkan perselisihan faham antara kaum. Kita hendaklah mengamalkan budaya bangsa agar negara terus harmoni. Kita hendaklah saling menghormati agar negara terus aman. Kita hendaklah mematuhi ajaran agama dan tabah menghadapi cabaran agar negara maju. Kita mestilah bijak menyelesaikan masalah dan bersyukur agar negara makmur.

40. Jelaskan sebab/ cabaran perpaduan kaum sukar dicapai. (10m)

Sebab/ cabaran perpaduan kaum sukar dicapai adalah perbezaan dari segi keturunan. Terdapat pelbagai keturunan di Malaysia seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain. Perbezaan adat resam menyukarkan perpaduan. Kita berbeza dari segi Bahasa. Hal ini menyukarkan komunikasi antara satu sama lain. Ia boleh menimbulkan perselisihan faham. Penggunaan Bahasa ibunda dalam pendidikan menyukarkan menjalinkan perpaduan.

Seterusnya, sistem Pendidikan pelbagai aliran menyukarkan perpaduan. Sejak zaman British, sistem Pendidikan mengikut bangsa telah diamalkan menyukarkan perpaduan dikalangan rakyat. Cabaran seterusnya adalah fahaman dan pengaruh politik yang berbeza menyukarkan perpaduan dengan mengikut kehendak politik. Perbezaan matlamat dan fahaman boleh menimbulkan ketegangan kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969.

41. Berikan cadangan/langkah mewujudkan perpaduan kaum. (10m)

Cadangan/ langkah mewujudkan perpaduan kaum adalah rakyat mestilah menguasai ilmu bergaul dan memupuk persefahaman antara kaum. Ibu bapa mestilah prihatin sentiasa menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Anak-anak digalakkan berkomunikasi dengan sopan dengan jiran yang berlainan bangsa. Ibu bapa membawa anak-anak mengunjungi jiran semasa perayaan.

Seterusnya, kita mestilah saling menyayangi antara warganegara agar terus harmoni. Kita mestilah patuh kepada ajaran agama agar terus berakhlak mulia. Kita mestilah menghormati penganut agama lain agar tidak berlaku rusuhan. Kita hendaklah sayang akan negara seperti sama-sama menjaga kedaulatan negara.

42. Kesimpulan/ Rumusan

Secara kesimpulannya, bukan perkara yang mudah untuk membina sebuah negara bangsa yang merdeka seperti negara Malaysia yang kita cintai. Kebijakan pemimpinan terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman menjadikan negara bangsa Malaysia satu realiti.

Justeru itu, pengorbanan, kebijakan dan perpaduan merupakan elemen penting bagi pembinaan sebuah negara yang aman makmur yang terdiri daripada pelbagai bangsa didalamnya.

Malaysia telah menjadi negara ikon diseluruh dunia kerana keamanan dan kestabilan politiknya dan menjadi harapan agar Malaysia terus aman, makmur dan berdaulat dan terus menjadi contoh di arena dunia.